

BERITA

Puan Halimah bidas saranan Trump berhubung rakyat Palestin, Gaza

Mantan Presiden, Puan Halimah Jacob, telah membidas kenyataan Presiden Amerika Syarikat, Encik Donald Trump, berhubung cadangannya berhubung rakyat Palestin dan Jaluran Gaza.

Menerusi satu hantaran Facebook pada 5 Februari, Puan Halimah berkata usulan Encik Trump itu jelas merupakan pelanggaran undang-undang antarabangsa.

Pada 4 Februari, Encik Trump dan Perdana Menteri Israel, Encik Benjamin Netanyahu, telah mengadakan sidang media bersama.

Dalam sesi itu, Encik Trump bukan sahaja mencadangkan pengambilalihan Gaza oleh Amerika, malah turut menggesa rakyat Palestin agar berpindah ke negara Timur Tengah lain, seperti Mesir dan Jordan.

Cadangan itu ditolak mentah-mentah oleh Palestin dan kedua negara berkenaan.

Puan Halimah berkata: “Sangat mengecewakan. (Ia) jelas pelanggaran undang-undang antarabangsa.

“Rakyat Palestin telah banyak menderita. (Seramai) 750,000 rakyat Palestin yang telah

dipaksa keluar dari rumah mereka semasa peristiwa Nakba pertama pada 1948, (kini) tinggal di Gaza.

“Sekarang Nakba kedua? Ini adalah penghinaan terakhir yang ditimpakan kepada rakyat Palestin yang menderita.

“Dengan retorik sedemikian, di manakah fasa kedua gencatan senjata Gaza yang sepatutnya dirundingkan dan menuju ke arah keamanan?”

Dalam hantaran tersebut, Puan Halimah merujuk kepada laporan di akhbar *The Straits Times* bertajuk, *‘Israel’s best friend’: Trump’s plan to ‘take over’ Gaza evokes memory of 1948 Nakba evictions* (“Kawan baik Israel’: Rancangan Trump untuk ‘mengambil alih’ Gaza membangkitkan ingatan tentang pengusiran semasa peristiwa Nakba 1948).

Awal sebelum ini Encik Trump berkata: “Amerika Syarikat akan mengambil alih Jaluran Gaza, dan kami akan melakukan sesuatu mengenainya juga.

“Kami akan menaklukinya dan bertanggungjawab untuk menghapuskan semua bom berbahaya yang tidak meletup dan senjata lain di tapak itu.”

Pengisytiharan Encik Trump bahawa Amerika boleh “mengambil alih” Jaluran Gaza dan penduduk Palestin dipindahkan secara kekal telah menerima kecaman serta-merta di Timur Tengah.

Puan Halimah sebelum ini mengeluarkan hantaran di Facebook yang menggesa agar pembunuhan rakyat Palestin harus dihentikan segera sementara menunggu gencatan senjata di Gaza berkuat kuasa, bagi menghormati integriti proses tersebut.

“Apabila gencatan senjata diumumkan semalam (16 Januari), 80 rakyat Palestin terbunuh.

“Lebih 64,000 rakyat Palestin telah terbunuh dalam tempoh 15 bulan dan kebanyakannya wanita, kanak-kanak dan orang tua.

“Makanan, perubatan dan bekalan penting lain harus dibenarkan masuk dengan segera untuk menghentikan kelaparan dan penderitaan,” ujar Puan Halimah yang juga mengingatkan bahawa ia akan mengambil masa bertahun-tahun lamanya untuk membina semula Gaza susulan tahap kemusnahan yang berlaku.

“Sangat mengecewakan. (Ia) jelas pelanggaran undang-undang antarabangsa.

Rakyat Palestin telah banyak menderita. (Seramai) 750,000 rakyat Palestin yang telah dipaksa keluar dari rumah mereka semasa peristiwa Nakba pertama pada 1948, (kini) tinggal di Gaza. Sekarang Nakba kedua? Ini adalah penghinaan terakhir yang ditimpakan kepada rakyat Palestin yang menderita.

Dengan retorik sedemikian, di manakah fasa kedua gencatan senjata Gaza, yang sepatutnya dirundingkan dan menuju ke arah keamanan?”



– Hantaran mantan Presiden, Puan Halimah Jacob, di Facebook mengenai cadangan Presiden Amerika Syarikat, Encik Donald Trump, berkaitan rakyat Palestin dan Jaluran Gaza.

Pengamat: Usulan Trump ambil alih Gaza jelas langgar undang-undang antarabangsa

Ia turut lemahkan usaha capai perjanjian gencatan senjata yang kini rapuh, selain penyelesaian dua negara

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

Pengumuman Presiden Amerika Syarikat, Encik Donald Trump, untuk mengambil alih Gaza jelas merupakan pelanggaran prinsip undang-undang antarabangsa, kata para pengamat.

Bukan sahaja ia menjejaskan peluang mencapai penyelesaian dua negara, kenyataan mengejutkan itu turut mengancam serta melemahkan lagi perjanjian gencatan senjata yang memang sangat rapuh.

Zamil penyelidik di Institut Timur Tengah (MEI), Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Clemens Chay, berkata:

“Ia adalah cadangan meragukan, sukar dipercayai, yang diusulkan Encik Trump dari pelbagai sudut, melanggar prinsip undang-undang antarabangsa.”

Mengulas lanjut, Dr Chay berkata cadangan Encik Trump itu melanggar undang-undang antarabangsa dari tiga sudut.

Pertama, pengambilalihan Gaza oleh Amerika bertentangan dengan undang-undang yang melarang rampasan wilayah mereka yang dilindungi di wilayah yang diduduki.

Ketiga, menghalang penduduk Gaza daripada pulang juga melanggar prinsip undang-undang antarabangsa yang menyatakan bahawa penduduk yang dipindahkan mengekalkan hak untuk pulang ke tanah air mereka.

Peguam pengurus serantau di syarikat khidmat dan perundingan Teknologi Maklumat (IT), Avaya, Encik Ahmad Firdaus Daud, pula berkata adalah “sangat jelas” saranan Encik Trump merupakan pelanggaran undang-undang antarabangsa tetapi, pengumuman tersebut adalah “lumrah Trump”.

Bahkan, ini bukan kali pertama presiden Amerika itu membuat kenyataan melampau yang mencetuskan kemarahan dan kutukan ramai.

Memberi contoh, pada 2017 Encik Trump mengumumkan pengiktirafan formal Baitulmakdis sebagai ibu kota Israel yang juga pelanggaran undang-

undang antarabangsa.

Menurut Encik Firdaus, ia turut menerima kecaman dalam kalangan masyarakat antarabangsa.

Beliau menambah Encik Trump memilih membuat kenyataan yang radikal meskipun beliau tidak ada niat untuk memastikan perkara itu berlaku.

Dengan itu, apabila sesuatu yang hanya sedikit menyimpang daripada rancangan asalnya itu dilakukan, ia akan dianggap lebih boleh diterima orang ramai.

Kedua-dua pakar turut mengaitkan pengumuman tersebut dengan kesan terhadap perjanjian gencatan senjata antara Israel dengan Hamas.

Encik Firdaus berpendapat pihak Israel enggan bersetuju dengan kriteria pengunduran penuh tentera Israel dari Gaza seperti yang dinyatakan dalam fasa kedua perjanjian gencatan senjata itu.

“Mungkin pihak Israel masih akan berada di Gaza dan melakukan sesuatu di situ.

“Saya fikir ini akan menjadi sesuatu yang dijadikan normal.

“(Israel) mungkin masih mahu berada di Gaza dan melakukan sesuatu dengannya.

“Apabila Israel melakukan sesuatu dan Amerika memberi dana bagi perkara itu dilakukan, ia lebih boleh diterima daripada (idea) Amerika mengambil alih Gaza,” jelas beliau.

Dr Chay pula berkata: “Pemerhatiannya pertama saya ialah komen-komen ini mengancam akan melemahkan perjanjian gencatan senjata terbaru dan membazir usaha Duta Timur Tengahnya, Steve Witkoff, dengan sewenang-wenangnya.”

Kenyataan Encik Trump itu turut membayangkan bahawa tidak ada matlamat menyerahkan tanah bagi keamanan dalam perjanjian sedemikian.

“Dalam erti kata lain, cadangan lancang Encik Trump semakin memadamkan prospek penyelesaian dua negara, yang pada awalnya memang sudah pun suram,” tambah beliau.

Sudah terang lagi bersuluh, pengumuman Encik Trump pada 5 Februari itu menimbulkan kemarahan dalam kalangan negara Arab dengan banyak negara rantau itu menolak bulat-bulat saranan tersebut.

Dr Chay berkata pengumuman Encik Trump itu juga berkemungkinan menjejaskan hubungan Amerika dengan sekutu kuatnya di Timur Tengah, Arab Saudi.

Sementara itu, Encik Firdaus pula menyatakan saranan Encik Trump itu

“Ini memberi banyak tekanan kepada negara seperti Singapura dan negara lain kerana jika mereka tidak berkata apa-apa, akan ada lebih banyak rasa tidak senang hati di dalam negara itu sendiri. Saya fikir sekarang pun sudah ramai orang yang tidak senang hati, tetapi apabila sesuatu yang melampaui batas berlaku, misalnya memaksa berjuta orang berpindah, anda memaksa pemerintah-pemerintah lain untuk tidak lagi bersikap pasif atau mengambil risiko menerima kecaman domestik.”



– Encik Ahmad Firdaus Daud, peguam pengurus serantau di syarikat khidmat dan perundingan Teknologi Maklumat (IT), Avaya.



– Dr Clemens Chay, zamil penyelidik di Institut Timur Tengah (MEI), Universiti Nasional Singapura (NUS).

boleh mempunyai kesan terhadap Singapura dan negara lain dari segi domestik.

Pendirian banyak negara termasuk Singapura ialah penyelesaian dua negara, tetapi seandainya Israel dan Amerika mengambil langkah lebih drastik seperti yang telah dicadangkan Encik Trump, adalah sukar bagi negara lain untuk terus berpeluk tubuh sahaja.

“Ini memberi banyak tekanan kepada negara seperti Singapura dan ne-

gara lain kerana jika mereka tidak berkata apa-apa, akan ada lebih banyak rasa tidak senang hati di dalam negara itu sendiri.

“Saya fikir sekarang pun sudah ramai orang yang tidak senang hati, tetapi apabila sesuatu yang melampaui batas berlaku, misalnya memaksa berjuta orang berpindah, anda memaksa pemerintah-pemerintah lain untuk tidak lagi bersikap pasif atau mengambil risiko menerima kecaman domestik,” kata Encik Firdaus.

Indonesia, M’sia tolak cadangan Trump usir rakyat Palestin dari Gaza

KUALA LUMPUR/JAKARTA: Malaysia dan Indonesia dengan tegas menolak sebarang cadangan yang tidak munasabah berkaitan rancangan Presiden Amerika Syarikat, Encik Donald Trump, untuk mengambil alih Gaza serta memindahkan rakyat Palestin secara paksa ke negara jiran.

Encik Trump mengumumkan hasrat tersebut semasa sidang media bersama Perdana Menteri Israel, Encik Benjamin Netanyahu, di Rumah Putih pada 4 Februari sehingga mencetuskan bantahan antarabangsa, termasuk dari Malaysia dan Indonesia.

Jurucakap Kementerian Luar Indonesia, Encik Rolliansyah ‘Roy’ Soemirat, menyatakan bahawa Indonesia menolak sebarang usaha untuk memindahkan rakyat Palestin secara paksa atau mengubah komposisi demografi wilayah Palestin yang diduduki.

“Tindakan seperti ini menghalang pembentukan sebuah negara Palestin yang bebas dan berdaulat sebagaimana yang dipersetujui dalam penyelesaian dua negara berdasarkan sempadan 1967, dengan Baitulmakdis Timur sebagai ibu kotanya,” kata Encik Roy.

Menurut Kementerian Luar Indonesia, penyelesaian dua negara adalah satu-satunya jalan ke arah keamanan berkekal dan masyarakat antarabangsa harus memastikan ia menghormati undang-undang antarabangsa.

“Hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri serta hak mereka untuk kembali ke tanah air adalah hak yang tidak boleh dinafikan,” tambahnya.

Kementerian Luar Negeri Malaysia dalam satu kenyataan pada 6 Februari turut mengutuk keras sebarang usaha pemindahan secara paksa rakyat Palestin di Gaza, sambil menyifatkannya sebagai satu bentuk pembersihan etnik dan pelanggaran undang-undang antarabangsa.

“Sebarang percubaan untuk mencari penyelesaian secara sepihak yang mengetepikan hak rakyat Palestin terhadap penentuan nasib sendiri serta kebebasan mereka adalah tidak boleh diterima dan tidak dapat dipertahankan,” kata kenyataan tersebut.

Kementerian itu turut menegaskan bahawa penyelesaian yang berkekal bagi konflik Israel-Palestin hanya boleh dicapai dengan pembentukan negara Palestin yang merdeka berdasarkan sempadan sebelum 1967, dengan Baitulmakdis Timur sebagai ibu kota.

“Malaysia kekal teguh bersama rakyat Palestin dalam perjuangan mereka.

“Penyelesaian yang berwiribawa dan berkekal haruslah berpandukan kepada kehendak rakyat Palestin sendiri,” kata kenyataan itu lagi.

Dalam ucapannya di Parlimen pada 6 Februari, Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Mohamad Hasan, menzahirkan kekesalan terhadap cadangan pemindahan rakyat Palestin di Gaza.

“Rakyat Palestin sendiri telah menyatakan dengan jelas bahawa mereka tidak akan meninggalkan tanah air mereka.

“Sokongan Malaysia kepada Palestin bukan bersifat sementara.

“Sejak sekian lama, kami menyokong perjuangan mereka untuk mendapatkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat,” tegas beliau.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 5 Februari berkata pendirian Malaysia terhadap Palestin tidak berubah susulan kenyataan Presiden Trump bahawa Amerika akan mengambil alih Jaluran Gaza. – Agensi berita.